| Pada 31 Disember 2021 | 16,877,128 | - | 110,336,254 | 329,522,987 | 4,426,129 | 5,693,296 | 524,548 | 8,674,204 | 476,054,546 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2021 | 33,783,416 | 1,000,187 | 142,700,205 | 318,789,627 | 1,489,480 | 167,879 | 312,908 | 5,078,821 | 503,322,523 |

Nota: Mulai 1 Disember 2021, pengurusan pembentungan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang diambil alih oleh Indah Water Konsortium. Oleh yang demikian, semua rumah pam dan loji kumbahan di kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dilupuskan dan diserahkan kepada Indah Water Konsortium.

Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)*

| 2020 | Tanah Pajakan RM | Tanah Pegangan Bebas RM | Bangunan RM | Aset Infrastruktur RM | Kenderaan RM | Loji Dan Jentera RM | Perabut Dan Kelengkapan Pejabat RM | Peralatan Elektrik Dan Elektronik RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2020 | 49,852,154 | 1,000,187 | 227,517,244 | 603,779,374 | 5,999,234 | 60,022,795 | 572,559 | 10,263,689 | 959,007,236 |
| Tambahan | - | - | 117,520 | 10,287,835 | 733,132 | 8,480 | 49,727 | 615,556 | 11,812,250 |
| Pindahan Dari Kerja Dalam Pelaksanaan | - | - | 3,930,329 | - | - | - | - | - | 3,930,329 |
| Pelupusan | - | - | (119,495) | - | (472,718) | - | (1,950) | (580,748) | (1,174,911) |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | 808,390 | - | (743,808) | - | - | - | 7,000 | 31,339 | 102,921 |
| Pada 31 Disember 2020 | 50,660,544 | 1,000,187 | 230,701,790 | 614,067,209 | 6,259,648 | 60,031,275 | 627,336 | 10,329,836 | 973,677,825 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2020 | 15,863,244 | - | 97,280,441 | 293,820,369 | 4,676,991 | 55,080,132 | 287,138 | 6,751,419 | 473,759,734 |
| Susutnilai Semasa | 506,605 | - | 6,460,988 | 17,508,856 | 551,841 | 1,086,422 | 116,770 | 1,259,950 | 27,491,432 |
| Pelupusan | - | - | (89,223) | - | (472,712) | - | (1,755) | (578,363) | (1,142,053) |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | 674 | - | 16,710 | - | - | - | 116 | (1,508) | 15,992 |
| Pada 31 Disember 2020 | 16,370,523 | - | 103,668,916 | 311,329,225 | 4,756,120 | 56,166,554 | 402,269 | 7,431,498 | 500,125,105 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2020 | 34,290,021 | 1,000,187 | 127,032,874 | 302,737,984 | 1,503,528 | 3,864,721 | 225,067 | 2,898,338 | 473,552,720 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**Aset Infrastruktur terdiri daripada berikut:-**

| 2021 | Nota | Jalanraya RM | Kemudahan Yang Lain RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | |
| Pada 1 Januari 2021 | | 609,771,914 | 4,295,295 | 614,067,209 |
| Tambahan | | 34,245,405 | - | 34,245,405 |
| Pindahan Dan Kerja Dalam Pelaksanaan | | - | - | - |
| Pelupusan | | - | - | - |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | | - | | - |
| Pada 31 Disember 2021 | | 644,017,319 | 4,295,295 | 648,312,614 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | |
| Pada 1 Januari 2021 | | 309,815,367 | 1,513,858 | 311,329,225 |
| Susutnilai Semasa | | 18,046,152 | 147,610 | 18,193,762 |
| Pelupusan | | - | - | - |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2021 | | 327,861,519 | 1,661,468 | 329,522,987 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | |
| Pada 31 Disember 2021 | | 316,155,800 | 2,633,827 | 318,789,627 |

i) Aset Infrastruktur terdiri daripada pondok bas, jejantas serta jalanraya yang meliputi jalan perbandaran dan lorong belakang termasuk turapan, guardrail, pejalan kaki longkang dan garisan jalan.

Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)*

| 2020 | Nota | Jalanraya RM | Kemudahan Yang Lain RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | |
| Pada 1 Januari 2020 | | 599,484,079 | 4,295,295 | 603,779,374 |
| Tambahan | | 10,287,835 | - | 10,287,835 |
| Pindahan Dan Kerja Dalam Pelaksanaan | | - | - | - |
| Pelupusan | | | - | - |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2020 | | 609,771,914 | 4,295,295 | 614,067,209 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | |
| Pada 1 Januari 2020 | | 292,454,123 | 1,366,246 | 293,820,369 |
| Susutnilai Semasa | | 17,361,244 | 147,612 | 17,508,856 |
| Pelupusan | | - | - | - |
| Pelarasan Tahun Terdahulu | | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2020 | | 309,815,367 | 1,513,858 | 311,329,225 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | |
| Pada 31 Disember 2020 | | 299,956,547 | 2,781,437 | 302,737,984 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

## 9. HARTANAH PELABURAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Tanah dan Bangunan** | | |
| **Kos** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 60,686,147 | 60,686,147 |
| Tambahan | - | - |
| Pindahan Dari Kerja Dalam Pelaksanaan | - | - |
| Baki Pada Akhir Tahun | 60,686,147 | 60,686,147 |
| | | |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 19,317,099 | 18,094,863 |
| Tambahan | 1,222,236 | 1,222,236 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 20,539,335 | 19,317,099 |
| **Amaun Bawaan** | 40,146,812 | 41,369,048 |

## 10. ASET TAK KETARA

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Perisian Komputer** | | |
| **Kos** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 5,522,066 | 5,828,541 |
| Tambahan | 66,377 | 181,856 |
| Pindahan Dari Kerja Dalam Pelaksanaan | 160,000 | - |
| Pelupusan | - | (488,331) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 5,748,443 | 5,522,066 |
| | | |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 5,016,954 | 5,363,838 |
| Tambahan | 180,347 | 141,441 |
| Pelupusan | - | (488,325) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 5,197,301 | 5,016,954 |
| **Amaun Bawaan** | 551,142 | 505,112 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

### 11. KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | | 25,682,877 | 14,558,317 |
| Tambahan | | 10,626,212 | 15,054,889 |
| Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan | 8 & 10 | (23,682,624) | (3,930,329) |
| Baki Pada Akhir Tahun | | 12,626,465 | 25,682,877 |

### 12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR, DEPOSIT DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pelbagai Terimaan Terdahulu | 2,052,619 | 2,319,421 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | 36,645,764 | 19,914,286 |
| Deposit dan Wang Tahanan | 40,183,492 | 40,474,558 |
| | 78,881,875 | 62,708,265 |
| Butiran Terimaan Terdahulu adalah seperti berikut: | | |
| Terimaan Terdahulu Cukai | 1,492,661 | 1,973,289 |
| Terimaan Terdahulu Sewa | 559,958 | 346,132 |
| | 2,052,619 | 2,319,421 |

### 13. GERAN TERTUNDA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 877,662 | 9,243,972 |
| Terimaan Geran Tahun Semasa | 7,396,985 | 3,383,154 |
| Tolak: Pelunasan | (7,263,829) | (11,749,464) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,010,818 | 877,662 |

### 14. PERUNTUKAN MANFAAT PEKERJA

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 1,106,546 | 1,039,194 |
| Tambahan | 722,327 | 663,767 |
| Tolak: Penggunaan | (415,484) | (596,415) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,413,389 | 1,106,546 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang Daripada 12 Bulan | 270,450 | 188,627 |
| Melebihi 12 bulan | 1,142,939 | 917,919 |
| | 1,413,389 | 1,106,546 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**15. AKAUN AMANAH**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 8,067,820 | 6,894,912 |
| Terimaan Tahun Semasa | 11,464,292 | 12,310,201 |
| Tolak: Pelunasan | (12,228,223) | (11,147,293) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 7,293,889 | 8,057,820 |
| **Kumpulan Wang Perkhidmatan Pengurusan Kawasan Lapang** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 10,000 | 10,000 |
| Terimaan Tahun Semasa | - | - |
| Tolak: Pelunasan | - | - |
| Baki Pada Akhir Tahun | 10,000 | 10,000 |
| **Kumpulan Wang Perkhidmatan Caj Pemajuan** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 7,627,500 | 3,795,000 |
| Terimaan Tahun Semasa | - | 3,832,500 |
| Tolak: Pelunasan | - | - |
| Baki Pada Akhir Tahun | 7,627,500 | 7,627,500 |
| **Kumpulan Wang Perkhidmatan Pengurusan Tempat Letak Kereta** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | - | - |
| Terimaan Tahun Semasa | 1,600 | - |
| Tolak: Pelunasan | - | - |
| Baki Pada Akhir Tahun | 1,600 | - |
| | 14,932,989 | 15,695,320 |

**16. PINJAMAN**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Analisa Pinjaman | | |
| Bayaran Balik Dalam Tempoh 1 Tahun | 3,773,119 | 3,630,204 |
| Bayaran Balik Di antara Tempoh 1 Hingga 7 Tahun | 2,965,726 | 6,822,840 |
| | 6,738,845 | 10,453,044 |

Butiran Pinjaman adalah seperti berikut -
Pemberi Pinjaman : Bank Islam Malaysia Berhad
Tujuan : Membiayai Sebahagian Kos Pembinaan Menara Aqabah
Jumlah : RM25,000,000
Keuntungan : BFR - 2.2%
Tempoh Bayaran Balik : 7 Tahun
Cagaran : Tanah dan Bangunan Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang & Menara Aqabah

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**17. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Cukai Harta | 126,461,474 | 125,480,762 |
| Caruman Bantu Kadar | 857,638 | 824,594 |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit | 6,041,538 | 4,212,136 |
| Denda Dan Hukuman | 2,012,910 | 2,378,941 |
| Pulang Balik Perbelanjaan | 799,697 | 849,193 |
| Pemberian Kerajaan | 10,107,836 | 15,436,476 |
| Pelbagai Terimaan | 34,698,866 | 9,823,094 |
| | 180,979,959 | 159,005,196 |

**18. URUSNIAGA PERTUKARAN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Caj Pembentungan | 1,422,444 | 1,546,704 |
| Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan | 5,018,313 | 4,726,284 |
| Perolehan Dari Jualan Barang-Barang | 498,905 | 828,130 |
| Sewaan | 9,046,344 | 6,812,058 |
| Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan | 3,501,828 | 4,622,326 |
| | 19,487,834 | 18,535,502 |

**19. GAJI DAN UPAHAN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Gaji Pekerja | 12,133,679 | 11,817,318 |
| Tunggakan Gaji Pekerja | 12,732 | 10,151 |
| Elaun Tanggungan Kerja | 14,219 | 30,076 |
| | 12,160,630 | 11,857,545 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**20. ELAUN-ELAUN TETAP**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Tetap Khidmat Awam | 466,224 | 462,259 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | 1,240,063 | 1,247,504 |
| Imbuhan Tetap Keraian | 161,028 | 137,582 |
| Elaun Tidak Berpencen | 66,363 | 43,920 |
| Elaun Insentif Khas Johor | 226,667 | 211,414 |
| Elaun Insentif Khas Penguatkuasa PBT | 78,123 | 59,400 |
| Elaun Tugas Memandu Kenderaan | 10,483 | 11,894 |
| Elaun Kritikal | 22,004 | 22,797 |
| Bantuan Sara Hidup | 1,356,844 | 1,158,186 |
| Elaun Tetap Yang Lain | 285,781 | 263,740 |
| | 3,913,580 | 3,618,696 |

**21. SUMBANGAN BERKANUN UNTUK PEKERJA**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 76,507 | 72,686 |
| Caruman Tabung Pencen | 2,027,968 | 1,987,647 |
| | 2,104,475 | 2,060,333 |

**22. ELAUN LEBIH MASA**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Lebih Masa | 1,370,136 | 1,954,289 |
| | 1,370,136 | 1,954,289 |

Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)*

## 23. FAEDAH-FAEDAH KEWANGAN YANG LAIN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Lesen Memandu Dan Yuran Kursus | - | 610 |
| Gantian Cuti Sebelum Bersara | 414,383 | 306,568 |
| Pelbagai Pemberian | 51,437 | 189,224 |
| | 465,820 | 496,402 |

## 24. ELAUN AHLI-AHLI MAJLIS

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Elaun Tetap Ahli Majlis | 438,092 | 215,950 |
| Elaun Datuk Bandar | 27,000 | 6,000 |
| Elaun Ex-Officio | 22,370 | 17,080 |
| Elaun Gantian Perjalanan Datuk Bandar | - | 5,400 |
| Elaun Keraian Datuk Bandar | - | 9,600 |
| Elaun Mesyuarat Ahli Majlis | 87,820 | 48,333 |
| Elaun Tetap Ahli Majlis Yang Lain | 20,000 | - |
| | 595,282 | 302,363 |

## 25. IMBUHAN TAHUNAN DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Bantuan Khas Kewangan | 1,022,696 | 1,151,846 |
| | 1,022,696 | 1,151,846 |

## 26. PERBELANJAAN PERJALANANAN DAN SARA HIDUP

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Makan Dan Minuman | 9,736 | 19,446 |
| Penginapan | 47,750 | 61,256 |
| Elaun Perjalanan Tambang Bas Dan Teksi | 191,001 | 323,953 |
| Bayaran Tambang Kapalterbang | 4,897 | 36,811 |
| Bayaran-bayaran Lain | 12,696 | 23,563 |
| | 266,080 | 465,029 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**27. PERHUBUNGAN DAN UTILITI**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Bayaran Pos, Mel Udara dan Mel Berdaftar | 123,866 | 104,946 |
| Telefon Dan Internet | 616,043 | 245,786 |
| Perhubungan Yang Lain | 24,587 | 12,209 |
| Elektrik | 11,004,317 | 12,041,255 |
| Air | 1,151,678 | 1,096,576 |
| Perkhidmatan Utiliti Yang Lain | 7,402 | - |
| | 12,927,893 | 13,500,772 |

**28. SEWAAN**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Sewa Bangunan | 25,410 | 67,760 |
| Sewa Kenderaan | 15,350 | 14,870 |
| Sewa Jentera | 299,248 | 26,600 |
| Sewa Alat Kelengkapan Pejabat, Perabot dan Lengkapan | 69,523 | 38,308 |
| Sewa Alat Kelengkapan Elektronik | 459,362 | 404,394 |
| Sewa Alat Kelengkapan Penyiaran | 5,320 | 69,324 |
| Sewa Pelbagai | 4,880 | - |
| | 879,093 | 621,256 |

**29. BAHAN-BAHAN MAKANAN DAN MINUMAN**

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Makanan yang lain | 20,781 | 12,700 |
| | 20,781 | 12,700 |

Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)*

## 30. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Petroleum Dan Bahan-bahan Keluaran Petroleum | 232,914 | 218,393 |
| Galian Mentah Bukan Logam | 21,750 | - |
| Kimia Dan Bahan Kimia | 160,698 | 23,164 |
| Bekalan Pertanian | 19,208 | 49,208 |
| | 434,570 | 290,765 |

## 31. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Bekalan Pejabat | 298,890 | 468,068 |
| Bekalan Am | 657,077 | 617,198 |
| Bekalan Riadah | - | 35,121 |
| Bahan Tenunan Dan Barang-Barang Pakaian | 493,276 | 216,953 |
| Bekalan Dan Alat-alat Kejuruteraan | 2,098 | 3,316 |
| | 1,451,341 | 1,340,656 |

## 32. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan Bangunan | 4,313,187 | 4,486,202 |
| Penyelenggaraan Kemudahan | 47,960,360 | 44,924,711 |
| Penyelenggaraan Kenderaan | 366,561 | 340,407 |
| Penyelenggaraan Jentera | 4,958 | 16,504 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat | - | 9,600 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektronik | 785,328 | 786,859 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Elektrik | 222,332 | 149,894 |
| Penyelenggaraan Aset-Aset Lain | 63,725 | 66,565 |
| | 53,716,451 | 50,780,742 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)***

**33. PERKHIDMATAN IKHTISAS, PERKHIDMATAN LAIN DAN HOSPITALITI**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| **Perkhidmatan Yang Dibeli** | | |
| Perkhidmatan Perubatan | 526,598 | 334,999 |
| Perkhidmatan Auditan | 51,083 | 38,284 |
| Perkhidmatan Perundangan | 71,378 | 137,281 |
| Perkhidmatan Penilaian | 2,994,801 | 1,555,306 |
| Latihan Anggota Pekerja | 195,465 | 167,764 |
| Perkhidmatan Komputer Dan Prosesan Data | 6,000 | 122,980 |
| Perkhidmatan Perunding | 173,008 | 38,131 |
| Perkhidmatan Pengiklanan | 85,091 | 256,368 |
| Perkhidmatan Perlindungan Dan Keselamatan | 6,587,787 | 6,394,507 |
| Rancangan Struktur/Rancangan Tempatan | 917,728 | 11,029 |
| Kursus/Lawatan Sambil Belajar | 170,372 | 361,150 |
| Perkhidmatan Dobi | 9,066 | 20,616 |
| Bayaran menghantar Bil Cukai Harta | 111,326 | 91,484 |
| Perkhidmatan Perkhidmatan Yang Lain | 156,752 | 229,438 |
| **Perkhidmatan Percetakan Dan Menjilid** | | |
| Perkhidmatan Penerbitan Jabatan | 24,500 | 24,500 |
| Percetakan Borang, Kad dan Kepala Surat Jabatan | - | 9,200 |
| Percetakan Buku Laporan | 53,400 | 19,950 |
| Bayaran Perkhidmatan Percetakan Yang Lain | 369,134 | 329,545 |
| **Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan/Sementara** | | |
| Gaji dan Upah Pekerja Kontrak/Sementara/Sambilan | 4,146,206 | 2,664,530 |
| Elaun termasuk Bayaran Lebih Masa Pekerja Kontrak/ Sementara/Sambilan | 2,889,994 | 1,942,675 |
| Sumbangan Berkanun Pekerja Kontrak/Sementara/Sambilan | 904,962 | 545,938 |
| Pemberian Khas Pekerja Kontrak/Sementara/Sambilan | 445,077 | 342,163 |
| Elaun Pelajar IPT | 51,539 | 55,921 |
| **Keraian, Hospitaliti Dan Honorarium** | | |
| Makanan dan Minuman Mesyuarat | 81,584 | 81,667 |
| Hari Perbandaran | 1,619,880 | 16,000 |
| Sukan Kerajaan Tempatan | 9,468 | 5,688 |
| Keraian Pejabat | 531,870 | 437,881 |
| Honorarium dan Cenderahati Untuk Anggota Pekerja | 190,896 | 112,463 |
| Perkhidmatan Sosial | 401,141 | 158,136 |
| Festival Layang-Layang | - | 209,523 |
| Sukan Yang Lain | 35,559 | 35,690 |
| Program Gerak Tumpu/Gerakemas | - | 500 |
| Jawatankuasa Penduduk | 776,575 | 456,373 |
| Hari Landskap | 15,900 | 4,368 |
| | 24,803,160 | 17,209,048 |

Nota-nota kepada penyata kewangan *(sambungan)*

## 34. ALAT KELENGKAPAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Jentera | - | 3,000 |
| Alat Kelengkapan Pejabat, Perabut dan Kelengkapan | 7,235 | 89,640 |
| Buku Rujukan / Bahan Penerbitan / Perpustakaan | 49,845 | 22,118 |
| Khemah, Meja dan Kerusi | 26,430 | 95,765 |
| Alat Kelengkapan Elektronik | 17,106 | 111,893 |
| Alat Kelengkapan Elektrik | 61,194 | 21,629 |
| Alat Kelengkapan Penyiaran | 144,458 | 12,395 |
| Alat Kelengkapan Fotografi, Perubatan dan Muzik | 8,534 | - |
| Alat Kelengkapan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan | 17,529 | - |
| Alat Kelengkapan Yang Lain | 55,338 | 12,595 |
| | 387,669 | 369,035 |

## 35. PEMBERIAN DALAM NEGERI

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Pemberian Kepada Sukan Kerajaan Tempatan/Kelab Sukan | - | 4,000 |
| Pemberian Pengurusan Jenazah | 3,000 | 6,000 |
| Sumbangan Kebajikan | 414,684 | 112,309 |
| Malaysian Association Of Local Authorities (MALA) | 5,000 | 3,000 |
| Yayasan Pihak Berkuasa Tempatan | 1,200,000 | 1,619,590 |
| Pemberian-Pemberian Lain | 278 | 872 |
| | 1,622,962 | 1,745,771 |

## 36. FAEDAH

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah Atas Pinjaman Dalam Negeri | 286,401 | 469,813 |
| | 286,401 | 469,813 |

## 37. GANJARAN

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Ganjaran Pekerja Kontrak/Sementara/Sambilan | 240,238 | 92,863 |
| | 240,238 | 92,863 |

**Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)**

**38. PULANGBALIK DAN HAPUSKIRA**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Pulang Balik Hasil | 249,345 | 10,180 |
| Pelupusan Aset Bukan Semasa | 2,785,499 | 32,865 |
| | 3,034,844 | 43,045 |

**39. BAYARAN-BAYARAN LAIN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Cukai Tanah | 710,110 | 404,583 |
| Cukai Jualan | 239,090 | 520,231 |
| Insuran | 620,023 | 601,060 |
| Pelbagai Bayaran Termasuk Komisyen Bank | 185,639 | 92,494 |
| | 1,754,862 | 1,618,368 |

**40. PERBELANJAAN BUKAN KEWANGAN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Hutang Ragu | 1,463,421 | 2,705,047 |
| | 1,463,421 | 2,705,047 |

**41. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Membina dan Menaiktaraf Bangunan Pejabat | 1,176,813 | 655,345 |
| Membina dan Menaiktaraf Bangunan Kediaman | 4,598,284 | 3,548,396 |
| Membina dan Menaiktaraf Gerai/Pusat Perniagaan | 2,419,605 | 1,268,125 |
| Membina dan Menaiktaraf Dewan Serbaguna | 1,203,597 | 1,559,581 |
| Membina Dan Menaiktaraf Lain-lain Bangunan | 245,452 | 736,289 |
| Membina dan Menaiktaraf Jalan | 19,770 | 3,539,809 |
| Membina dan Menaiktaraf Parit | 360,380 | 1,812,002 |
| Pengangkutan Awam | 3,333,979 | 3,453,949 |
| Membina Padang/Taman Permainan Kanak-Kanak | 1,318,034 | 489,777 |
| Pemasangan Lampu Jalan | 1,347,554 | 397,736 |
| Pemasangan Papan Tanda | - | 126,830 |
| Membina Lain-lain Kemudahan Awam | 7,575,394 | 3,613,712 |
| Membina Dan Menaiktaraf Taman Rekreasi | 1,231,791 | 2,292,767 |
| Pengindahan Bandar | 4,363,046 | 4,355,033 |
| Tempat Letak Kenderaan | - | 20,000 |
| Pondok Menunggu Bas | - | 160,000 |
| Perabut Jalan | - | 69,650 |
| | 29,193,699 | 28,099,001 |

# MANIFESTO

# 04



PASIR GUDANG BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندراي ڤاسير ݢودڠ


MANIFESTO
REVOLUSI 1 - PELABUHAN PINTAR
Smart People
Rakan Strategik
( Strategic Buddies )
Smart Digital Infrastructure
Pendigitalan
( Digitalization)
REVOLUSI 2 - PENGEZONAN DAN INDUSTRI PINTAR
Smart Environment
Pengezonan
(Zoning)
Smart Environment
Pasir Gudang sebagai
Pelabuhan dan Industri
Smart Mobility
Naiktaraf Infrastruktur
(Upgrading Infrastructure)
REVOLUSI 3 - PERSEKITARAN PINTAR
Smart Living
Waste To Wealth
(WTW)
Smart People
Pembelajaran
Norma Ekosistem
(Eco-Norm Education)
Smart Environment
Memelihara
Ekosistem
(Eco-Preserve)
Smart Environment
Pengurangan
Karbon
(Less Co )


MANIFESTO
REVOLUSI 4 - MASIH PRIHATIN
Smart Living
TMIYC
@Pasir Gudang
Smart Living
Dataran Mahkota
Pasir Gudang
Smart People
Pusat Haiwan
Terbiar
(D'Habitat)
Smart Living
Pusat Gelandangan
(Care and Cure
Camp 3C MBPG)
Smart Living
Eco Spatial
Smart Living
Sg. Buloh Spatial
Smart Environment
C8 Spatial
Smart Environment
Layang-Layang
Spatial
Smart Living
Penempatan Pekerja
Warga Asing
(Workers Enclave)
Smart Economic
Pemerkasaan
PMKS
(Perusahaan Micro
Kecil Sederhana)
Smart Living
Skim Komuniti
Selamat
Smart Living
Perkhidmatan
Perunding
Kesihatan
(Doc Please!!)
Smart People
Gerobok Perihatin
Pasir Gudang
Smart Living
E-Lesen &
E-Permit
Smart People
Belia Aktif

# MANIFESTO

## REVOLUSI 5 - KEJIRANAN AKTIF

Smart Governance



CB Bestari

Smart Economic



KK Outreach

Smart Governance



ST-Bestari

Smart People



Desa Bestari

## REVOLUSI 6 - TADBIR URUS PINTAR

Smart Governance



Transformasi Digital

Smart Governance



Warga Kontrak Warga Tetap

Smart Governance



Pengukuhan Perkhidmatan Organisasi

Smart Governance



Employee Benefits

Smart Governance



Apresiasi Kakitangan

## TERAS STRATEGIK

**4.54%**

**PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN**

**8 PELAN TINDAKAN TELAH DILAKSANAKAN**




| | | |
|---|---|---|
| 01 | TADBIR URUS BERINTEGRITI DAN KEPAKARAN YANG TINGGI | 7 Inisiatif Strategik |
| 02 | TEKNOLOGI PINTAR DAN SISTEM TERKINI | 8 Inisiatif Strategik |
| 03 | PENGURUSAN ALAM SEKITAR, KESIHATAN PERSEKITARAN DAN PEMBANGUNAN YANG MAMPAN | 13 Inisiatif Strategik |
| 04 | KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN | 10 Inisiatif Strategik |
| 05 | INFRASTRUKTUR YANG EFISIEN | 16 Inisiatif Strategik |
| 06 | KESEJAHTERAAN SUMBER INSAN DAN LIBAT URUS YANG PADU | 5 Inisiatif Strategik |
| 07 | PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG YANG KONSISTEN | 4 Inisiatif Strategik |

**63 INISIATIF STRATEGIK**



# MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



# ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

# 05



PASIR GUDANG BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندراي ڤاسير ڬودڠ

# ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

## ANUGERAH EMAS SEMPENA *4TH DIGITALISED INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN JOHOR 2021* ANJURAN UTM CAWANGAN JOHOR SECARA DALAM TALIAN

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menerima pengiktirafan bagi 4 anugerah *Diamond* bagi Program *Low Carbon Cities Framework (LCCF) Zone 1*, Pasir Gudang pada 6 April 2021 di Hotel Marriot, Putrajaya Kuala Lumpur. Yang berhormat Dato' Seri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air telah menyempurnakan majlis perasmian tersebut dan sekaligus menyampaikan anugerah kepada agensi-agensi yang telah dinobatkan sebagai pemenang. Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abrd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang hadir bagi menerima anugerah *Diamond* di majlis tersebut.









MBPG telah memenangi 1 *Diamond* bagi kategori *'energy'* dan menerima 3 Diamond bagi kategori *'Waste'*. Tahniah diucapkan kepada kumpulan Low Carbon MBPG yang telah menggembleng tenaga bagi memastikan MBPG mencapai kejayaan dalam menjadikan Pasir Gudang sebagai sebuah Bandar Rendah Karbon.

## ANUGERAH EMAS SEMPENA *4TH DIGITALISED INTERNATIONAL INVENTION, INNOVATION & DESIGN JOHOR 2021* ANJURAN UTM CAWANGAN JOHOR

Bersempena *4th Digitalised International Invention, Innovation & Design Johor 2021* anjuran UTM Cawangan Johor, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menyertai pertandingan iaitu program SPAH - Sisa Pengumpulan Air Hujan Pasir Gudang pada 20 Februari hingga 3 Ogos 2021 dan Pengumpulan Sisa Kompos Pasir Gudang, Johor pada 2 September 2021 yang lalu. Pertandingan ini telah disertai oleh Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Puan Siti Zaleha binti Md Ghazali daripada Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran, Lar. Zanariah binti Kadir, Puan Hajah Norlina binti Mohamad dan Encik Mohd Tahir bin Omar daripada Jabatan Kejuruteraan dan Landskap.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad, Menteri Besar Johor. MBPG telah memenangi Anugerah Emas dan penyampaian hadiah telah berlangsung secara maya *(virtual)*. Tahniah dan syabas diucapkan kepada peserta yang terlibat.

Kompos adalah cara semulajadi kitar semula bahan organik. Ia adalah proses biodegradable di mana bahan organik diuraikan oleh mikroorganisma dalam kehadiran oksigen. Hasil daripada proses ini akan memberi manfaat kepada alam sekitar sebagai baja semulajadi untuk berkebun dan pertanian.

Sisa kompos mempunyai banyak faedah, antara yang paling penting ialah manfaat alam sekitar dengan kitar semula sumber organik berharga, menjimatkan wang pada baja untuk tumbuh-tumbuhan, bertindak sebagai perapi tanah yang baik dan menambah jumlah nutrisi tanah dan menjimatkan air dengan mengekalkan kelembapan dalam tanah.

SPAH - Sistem Pengumpulan Air Hujan, Pasir Gudang adalah salah satu daripada Best Management Practice (BMP) dalam pengurusan air yang berkesan. Sistem ini bertujuan untuk melambatkan aliran air larian permukaan dan menggalakkan penggunaan air secara efisien. Pada masa kini, kebanyakan rantau di seluruh dunia telah menerima pakai penuaian air hujan untuk mengurangkan kesan banjir akibat perubahan iklim. Selaras dengan komitmen kerajaan ke arah pembangunan hijau serta ia juga selari dengan pelaksanaan inisiatif bagi menyokong dasar teknologi hijau.






## ANUGERAH PENCAPAIAN STATUS BANDAR MAMPAN TAHUN 2021 (PROGRAM PENGUKURAN BANDAR MAMPAN MALAYSIA) MELALUI MURNINETS SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2021 DI PUTRAJAYA




Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Pencapaian Status Bandar Mampan Tahun 2021 (Program Pengukuran Bandar Mampan Malaysia) Melalui Murninets Sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2021 dengan pencapaian 82.65% pada 9 November 2021 yang lalu bertempat di Putrajaya.

Anugerah Bandar Mampan bertujuan menggalakkan PBT untuk membangunkan bandar secara mampan, berdaya huni dan berkonsep kejiranan hijau. Penilaian Bandar Mampan di Malaysia dilaksanakan berpandukan sistem MURNInets yang dibangunkan oleh PLANMalaysia pada 1998 bagi mengukur tahap kemampanan bandar dan pelaksanaannya selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari *(Inggeris: Sustainable Development Goals, SDGs)* dan agenda Perbandaran Baharu.

## ANUGERAH BANDAR MAMPAN 2021 (BERSTATUS MAMPAN) SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI JOHOR

Majlis Pelancaran Kebun Bandar sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Johor Tahun 2021 dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, pada 4 Disember 2021. Majlis telah dianjurkan oleh Plan Malaysia@Johor di Kebun Bandar Taman Impian Emas. Dalam majlis tersebut, YAB. Menyampaikan Anugerah Bandar Mampan 2021 (Berstatus Mampan) kepada MBPG. Tahniah dan syabas diucapkan.



# AKTIVITI SEPANJANG TAHUN

06



PASIR GUDANG BANDAR RAYA INDUSTRI DAN PELABUHAN

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندراي ڤاسير ڬودڠ

## JANUARI

### CERAMAH MOTIVASI : BERSAMA MENGHADAPI CABARAN 2021 PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat, telah menganjurkan satu program ceramah motivasi khas kepada komuniti 24 zon Pasir Gudang pada 3 Januari 2021 bertempat di Auditorium Aras 3, Menara Aqabah MBPG. Program ini merupakan inisiatif membantu masyarakat dalam menghadapi suasana kehidupan yang semakin mencabar pada hari ini. Selain memberi nasihat dan motivasi mengenai cara-cara menghadapi masalah dalam kehidupan ianya turut membantu para peserta untuk menangani cadangan kaedah penyelesaian yang boleh digunakan ketika menghadapi masalah.

Ceramah telah disampaikan oleh YBhg. Encik Ismail bin Mat Ali selaku Pengarah Urusan Capaian Aspirasi Sdn. Bhd. berkelulusan dari Universiti Al-Azhar, Mesir. Program telah berlangsung mengikut *standard operasi* yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dengan jumlah peserta di dalam auditorium hanya dihadkan kepada seramai 60 orang sahaja. Wakil JKPZ Pasir Gudang diperuntukan kepada 2 orang setiap zon dan warga kerja MBPG pula terdiri daripada seramai 30 orang termasuk urusetia.

### TAKLIMAT INTEGRITI, MODUL KHUSUS ORIENTASI SESI KE-2 BAGI PEKERJA BARU MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (SIRI 1/2021)

Bahagian Audit Dalam dan Integriti MBPG telah mengambil inisiatif menganjurkan satu Taklimat Pengurusan Integriti pada 6 Januari 2021 bertempat di Bilik Latihan Aras 4, Menara Aqabah, MBPG. Sesi perkongsian taklimat tersebut telah disampaikan oleh Cik Azura Shahira binti Azahar, Pegawai Tadbir Unit Audit Dalam dan Integriti, MBPG. Di antara objektif penganjuran program adalah bagi memastikan semua anggota pekerja MBPG sentiasa mengamalkan budaya kerja unggul berteraskan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh.

Taklimat diadakan bersempena Program Orientasi Warga Kerja Baharu bagi sesi ke-2 yang terdiri daripada pelbagai jawatan seperti Pembantu Kenderaan, Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi dan Pembantu Awam. Sepanjang sesi taklimat berlangsung, para peserta turut didedahkan mengenai Polisi Pemberi Maklumat MBPG, Dasar Tidak Menerima Hadiah dan tatacara untuk melaporkan aduan salah laku yang melibatkan warga kerja MBPG.

Selain itu, para peserta juga diberikan penerangan mengenai budaya kerja berintegriti daripada pelbagai sudut seperti tanggungjawab penjawat awam, amalan nilai-nilai murni serta kesalahan-kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan tuntutan palsu. Para peserta juga diberi pendedahan mengenai Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Perintah-Perintah Am Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan Johor 1988 dan contoh-contoh kesalahan tatatertib serta implikasi hukuman di bawah Akta Tatatertib.

## FEBRUARI

### LAWATAN KERJA KE PERSIAPAN PUSAT KUARANTIN & RAWATAN COVID-19 PKRC JOHOR

Yang Berhormat, Tuan Haji Ayub bin Jamil, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor telah berkesempatan meluangkan masa mengadakan lawatan kerja ke persiapan Pusat Kuarantin & Rawatan COVID-19 (PKRC) di Pasir Gudang Johor pada 8 februari 2021 sebelum ianya beroperasi sepenuhnya. Turut hadir sama dalam lawatan ialah YBhg Datuk. Dr. Aman Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, YB. Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang serta beberapa ketua agensi lain yang berkaitan.

PKRC pertama di negeri Johor ini terletak di Stadium Tertutup Bandaraya Pasir Gudang dan dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada 10 februari 2021. PKRC ini boleh menempatkan sebanyak 1,200 buah katil dengan melibatkan seramai 60 hingga 100 orang petugas daripada pelbagai agensi dan hanya menempatkan pesakit COVID-19 yang diklasifikasikan sebagai tidak bergejala dan tidak berisiko tinggi.

Penempatan ini akan mengambilkira kelengkapan keperluan fasiliti seperti :



i) Penyediaan Asrama Pesakit Lelaki dan Wanita
ii) Bilik Rawatan Lelaki dan Wanita
iii) Ruang Rehat Petugas
iv) Keperluan Tandas/Bilik Mandi Lelaki dan Wanita
v) Surau
vi) Laluan Pesakit Lelaki & Wanita
vii) Kapasiti yang boleh dimuatkan adalah mengikut *Standard Of Procedure (SOP)* yang disyaratkan oleh pihak MKN dan KKM.



Penyediaan PKRC di Stadium Bandaraya Pasir Gudang diharapkan akan dapat menampung dan menangani kekurangan dan kesesakan pusat kurantin sedia ada yang disediakan oleh pihak kerajaan.

### MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEPERLUAN PERALATAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (KPRC)



Satu majlis penyampaian dan penyerahan sumbangan keperluan peralatan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) oleh pihak Lotte Chemical Titan telah diadakan pada 10 Februari 2021 yang lalu bertempat di PKRC Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



Pihak Lotte Chemical Titan diwakili Naib Presiden Eksekutif Pengeluaran, Encik Lee Jung Hyeng, diiringi Encik Ahmad Solihin bin Mohamed Yusoff, selaku Naib Presiden Sumber Manusia & Teknologi Maklumat. Manakala penerima daripada pihak PKRC diwakili Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Pengarah dan Komander PKRC iaitu Dr. Mohd Fathi Zaki bin Mohd Zakaria dengan diiringi oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG.

Beberapa peralatan yang disumbangkan adalah berupa 4 unit Smart TV saiz 55" jenama Samsung, 4 unit Ogawa Treadmill T7.2-2HP dan 10 unit Coway Water Dispenser CHP671.




Pihak MBPG amat berbesar hati dan merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Lotte Chemical Titan di atas kesudian menyumbang peralatan tersebut dan berharap semoga lebih banyak lagi pihak yang akan tampil menyumbang untuk kelengkapan PKRC beroperasi bagi keselesaan dan kemudahan kepada pesakit-pesakit yang mendapat rawatan.

## MAC

### LAWATAN MENTERI KE PUSAT KURANTIN DAN RAWATAN COVID-19 (PKRC) DI PASIR GUDANG, JOHOR



Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Kurantin Dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Stadium Bandaraya Pasir Gudang pada 9 mac 2022 yang lalu.



Yang Berhormat Menteri telah diberi taklimat ringkas mengenai maklumat dan pengurusan PKRC dan CAC Pasir Gudang sebelum dibawa melawat sekitar pusat kurantin dan rawatan. Beliau bersama delegasi sempat meluangkan masa menyantuni barisan *frontliner* yang bertugas serta beramah mesra memberi kata-kata semangat untuk teguh berjuang membantu menangani pandemik Covid-19 yang masih melanda Negara.




Turut bersama-sama mengiringi beliau adalah YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman , Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Dato' Rodzi Md Saad, Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan Keselamatan, Majlis Keselamatan Negara, YB. Tuan Vidyananthan A/L Ramanadhan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Dan Alam Sekitar Negeri Johor, YB Dato' Hj. Mohd Noh Ibrahim, TSUK Johor (Pengurusan), YB Dato' Dr. Aman Rabu, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Tuan Hj. Abdul Rahman Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Asman Shah Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG dan En. Mohd Tarmizi Dan selaku Pengarah, Majlis Keselamatan Negara, Negeri Johor.

### PROGRAM SESI TOWN HALL DATUK BANDAR MENYANTUNI KOMUNITI KALI KE 1/2021



Program Sesi Town Hall Datuk Bandar Menyantuni Komuniti Kali Ke 1/2021 telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Masyarakat, MBPG pada 18 Mac 2021 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar Pasir Gudang dengan dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis MBPG, Ahli-ahli Jawatankuasa Penduduk daripada 24 zon di kawasan Pasir Gudang, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan serta Badan Berkanun. Program yang dianjurkan adalah menjadi pelantaran bagi menerangkan kepada masyarakat berkenaan pembangunan yang akan, sedang dan telah dilaksanakan MBPG termasuk program-program dan aktiviti berkaitan masyarakat Pasir Gudang.



Program telah dimulakan dengan sesi dialog dengan dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha MBPG bersama beberapa ketua jabatan dan agensi di Pasir Gudang. Para perwakilan penduduk telah diberi peluang untuk saling berkongsi pandangan, menyampaikan hasrat dan cadangan untuk tujuan kemajuan dan pembangunan Bandar Raya Pasir Gudang.

Program kali ini turut diserikan dengan kehadiran figura jemputan

Ustaz Ebit Liew yang telah berkongsi meyampaikan ceramah motivasinya bertajuk "Tanggungjawab Bersama Dalam Membentuk Masyarakat Prihatin'.

Segala isu, pandangan dan maklumat yang diperolehi hasil penganjuran program kemudiannya diperhalusi dan dilaksanakan mengikut keutamaan dan tahap keperluan. Semoga penganjuran program dapat dilaksanakan secara berterusan untuk dijadikan sebagai medium memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan antara MBPG, komuniti, jabatan kerajaan dan badan berkanun yang terlibat.







## PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS BANG BANG ONLINE TOURNAMENT 2021 PERINGKAT PASIR GUDANG

MBPG telah menganjurkan Pertandingan Mobile legends Bang Bang Online Tournament 2021 Peringkat Pasir Gudang pada 24 hingga 27 Mac 2021 bertempat di Permata Training Centre No. 27B, Jalan Kelisa 1, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor. Pertandingan ini diuruskan oleh E.Games.port Management & Consultancy dan Persatuan Sukan Elektronik Daerah Johor Bahru.

Sebanyak 56 buah pasukan telah menyertai pertandingan yang telah dianjurkan secara *Online* dimana setiap ahli pasukan bermain dari kediaman sendiri atau dimana sahaja yang dirasakan sesuai untuk bermain. Setiap pemain hanya perlu memastikan mempunyai liputan internet sendiri dalam membolehkan mereka menyertainya tanpa sebarang gangguan capaian.

Hadiah tempat pertama bernilai RM1000.00 dimenangi oleh pasukan Pokemon Reborn. Manakala tempat kedua dimenangi oleh pasukan PIS Pride membawa pulang wang bernilai RM700.00. Tempat ketiga pula dimenangi oleh pasukan Gladiators membawa pulang wang bernilai RM500.00 dan tempat keempat dimenangi oleh pasukan ESG Gaming MY dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300.00.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang dengan diiringi oleh Puan Hajah Faridah Binti Abd Hamid, Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat di Bilik Mesyuarat UTC Pasir Gudang pada 12 April 2021.



## APRIL

### PROGRAM DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI DI KAMPUNG PERIGI ACHEH

MBPG melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat bersama Ketua Kampung Perigi Aceh, Pasir Gudang telah menganjurkan program Datuk Bandar bersama Komuniti di Kampung Perigi Acheh, Pasir Gudang pada 2 April 2021. Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) turut dijemput khas bagi tujuan melaporkan perkembangan terkini mengenai status pembangunan projek yang sedang berjalan di Kampung Perigi Acheh. Hadir sama Ahli Majlis Zon Cahaya Baru Tg. Langsat dan Penghulu Mukim Sungai Tiram

YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang turut berkesempatan menyantuni 10 buah keluarga asnaf dengan menyampaikan bantuan pembaikan bumbung rumah yang telah uzur. YB Datuk Bandar turut bersama-sama membantu melakukan pemasangan lampu jalan tenaga solar di mana sebanyak lima unit telahdi pasang bagi tujuan pencahayaan di sekitar kampung.

Sebelum mengakhiri program, Datuk Bandar bersama-sama Ahli Majlis, Penghulu dan Ketua Kampung serta penduduk kampung telah melakukan aktiviti berbasikal menelusuri kawasan Kampung Perigi Acheh bagi meninjau persekitaran dan pembangunan yang berlaku di kawasan kampung.









## PROGRAM DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI DI ZON CAHAYA BARU

MBPG bersama Jawatankuasa Penduduk Zon dan Majlis Belia Kampung Cahaya Baru telah bekerjasama menganjurkan Program Datuk Bandar Bersama Komuniti Di Kampung Cahaya Baru pada 3 April 2021 bertempat di Kampung Cahaya Baru, Pasir Gudang. Program dimulakan dengan aktiviti gotong-royong perdana di Tanah Perkuburan Islam Kampung Cahaya Baru oleh penduduk kampung, warga kerja MBPG, Askar Wataniah Rejimen 501 dan Majlis Belia Kampung Cahaya Baru.






Datuk Bandar Pasir Gudang dan tetamu jemputan telah dibawa mengelilingi kawasan kampung dengan menaiki motosikal melawat dan meninjau permasalahan sekitar kawasan kampung. Satu acara perlawanan futsal persahabatan telah diadakan di antara Pasukan Belia Kampung Cahaya Baru dengan Pasukan MBPG di mana datuk Bandar Pasir Gudang turut mengambil bahagian. Sejurus selesai perlawanan futsal kemudiannya telah diadakan Sesi Townhall bertempat di Dewan Muafakat, Kampung Cahaya Baru dengan dihadiri kira-kira 70 orang penduduk kampung.

Diantara tujuan program ini adalah bagi mendekati penduduk kampung dan secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan silaturrahim serta berkongsi maklumat MBPG dari semasa kesemasa.. Disamping itu, Datuk Bandar Pasir Gudang turut menyampaikan bantuan keperluan asas kepada 10 keluarga asnaf yang terpilih.





Dua buah agensi kerajaan telah dijemput khas iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi memberi penerangan berkaitan kerja-kerja pelebaran Jalan Masai-Kong-Kong dan tebatan banjir mendalamkan sungai bagi mengatasi berlakunya kejadian banjir kilat di Kampung Sentosa. Selain itu taklimat penerangan mengenai pelaksanaan fi lestari untuk kampong-kampung di bawah pentadbiran MBPG dan rancangan pembangunan di Zon Cahaya Baru juga telah diberi pencerahan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang.

## PROGRAM GOTONG - ROYONG PERDANA TANAH PERKUBURAN ISLAM PASIR GUDANG 2021

Program Gotong-Royong Perdana Tanah Perkuburan Islam Pasir Gudang 2021 telah dilancarkan secara serentak pada 3 April 2021 bertempat di Tanah Perkuburan Islam Kg. Cahaya Baru, Pasir Gudang. Ia adalah bersempena dengan program Datuk Bandar Bersama Komuniti Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat dengan kerjasama JKPZ dan MBPG. Tidak ketinggalan juga warga kerja Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pasukan Tindakan Khas (PTK) dari Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran MBPG. Selain Datuk Bandar Pasir Gudang turut hadir sama adalah Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG, Encik Mohd Fauzi bin Faizal selaku Ahli Majlis Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat, Ahli-ahli JKPZ, ketua-ketua jabatan dan penduduk Kg. Cahaya Baru.

Program gotong royong Perdana ini dijalankan serentak di semua kawasan Perkuburan Islam di bawah pentadbiran MBPG iaitu Tanah Perkuburan Islam Mutmainnah, Tanah Perkuburan Islam Masai, Tanah Perkuburan Islam Kg. Pasir Putih, Tanah Perkuburan Islam Kg. Perigi Acheh, Tanah Perkuburan Islam Tanjung Langsat, Tanah Perkuburan Islam Sg. Latoh dan Tanah Perkuburan Islam Kong-Kong.

Program dimulakan dengan bacaan tahlil dan doa ringkas yang dipimpin oleh Tuan Haji Bosra bin Paijan, Imam Masjid Kg. Cahaya Baru. Pembahagian kawasan bertugas telah diakukan kepada sukarelawan yang hadir dimana para peserta seterusnya telah bersarapan bersama-sama sebelum gotong royong dijalankan. Program ini telah berjalan dengan lancar di mana kawasan perkuburan dapat dibersihkan.









## PROGRAM DATUK BANDAR BERSAMA KOMUNITI DI ZON DAHLIA (MAJLIS BERBUKA PUASA)

MBPG melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Program Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Komuniti di Zon Dahlia melalui acara Majlis Berbuka Puasa pada 24 April 2021 bertempat di Surau Al Hafiz, Taman Bukit Dahlia, Pasir Gudang.

Majlis Berbuka Puasa kali ini turut disertai oleh Pengerusi Yayasan Pasir Gudang iaitu Dato' Seri Mohammed Khaled Nordin. Selepas menyempurnakan ifftar dan solat maghrib, Datuk Bandar Pasir Gudang dan para jemputan turut menyantuni seramai 10 orang asnaf melalui acara majlis penyampaian sumbangan bantuan berupa barangan keperluan asas.








## MEI

### PROGRAM BUBUR LAMBUK PERDANA PASIR GUDANG

Program Bubur Lambuk Perdana Pasir Gudang tahun ini telah berlangsung dengan meriah walaupun dilaksanakan dengan konsep yang berbeza daripada kebiasaan.

Program telah diadakan pada 8 Mac 2021 bagi meraikan dan mengimarahkan suasana bulan Ramadan yang mulia bersama 24 zon Ahli Majlis di kawasan Pasir Gudang. Acara bermula seawal jam 7.30 pagi dengan kehadiran para peserta mula membuat persediaan. Sebanyak 25 periuk disediakan oleh 25 buah kumpulan mewakili JKPZ dan agensi terlibat termasuk Anulae Cawangan Pasir Gudang dan IPD Seri Alam, Masai. Sesuai dengan suasana pandemik yang melanda, program dijalankan di kawasan pilihan zon masing-masing.

Bagi memeriahkan program, aktiviti cabutan bertuah diadakan oleh pihak urusetia semasa mengadakan lawatan ke setiap zon. Agihan bubur lambuk juga adalah melalui JKPZ setiap zon kepada komuniti setempat. Sebanyak 17 agensi kerajaan dan swasta telah sudi memberikan tajaan memasak bubur lambuk, antaranya Yayasan Pasir Gudang, Meridian East Sdn Bhd, Altech Chemical Sdn Bhd, Maslee Wholesales (PG) Sdn Bhd dan pelbagai lagi agensi yang terlibat. Antara tajaan yang diterima adalah berbentuk wang tunai, barangan masakan seperti beras, rempah-ratus, minyak dan juga keperluan goodies peserta dan hamper.

Program berakhir pada jam 5.00 petang setelah kesemua zon selesai menyiapkan bubur lambuk serta mengagihkan bubur lambuk yang telah siap dimasak kepada masyarakat setempat di kawasan zon masing-masing.









## OPERASI BERSEPADU JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR BERSAMA KETUA POLIS NEGERI JOHOR

Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah melakukan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan SOP Norma Baharu Covid-19 pada 24 Mei 2021 yang lalu. Yang Amat Setia, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Ketua Polis Johor turut bersama-sama hadir dalam operasi tersebut yang melibatkan kawasan perindustrian Pasir Gudang.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) tidak terkecuali turut serta dalam operasi tersebut yang melibatkan pegawai-pegawai Jabatan Kesihatan Awam, Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan dan Jabatan Perlesenan MBPG bagi memudahkan dan melancarkan operasi yang dilaksanakan di kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Dalam operasi tersebut, beberapa perkara telah di pantau seperti pematuhan kehadiran pekerja sebanyak 60% di sektor swasta, mengimbas kod QR MySejahtera dan SOP lain yang telah ditetapkan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19. Kompaun dikeluarkan keatas individu atau mana-mana premis yang tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan.









## MAJLIS BERBUKA PUASA MBPG BERSAMA PENGAMAL MEDIA

Bagi menyantuni dan menghargai sumbangan pihak media, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa bersama pengamal media pada 8 Mei 2021 bertempat di Hotel Grand Paragon, Johor Bahru.

Majlis diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas jalinan kerjasama dan komitmen tinggi yang disumbangkan oleh pengamal media cetak dan elektronik khususnya di kawasan Pasir Gudang. Selain itu, MBPG turut mengiktiraf rakan media yang banyak membantu MBPG dari segi membuat liputan, publisiti dan promosi serta apa jua acara dan peranan MBPG sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor.

Majlis dihadiri oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang serta Encik Mohamad Fauzi bin Ishak selaku Presiden Kelab Media Johor, Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Unit MBPG serta rakan-rakan media dari pelbagai agensi.

Program diakhiri dengan acara penyampaian cenderahati kepada semua wakil media yang hadir oleh Datuk Bandar Pasir Gudang sebelum acara kemuncak bermula dengan acara majlis berbuka puasa.










## JUN

### BANTUAN KEPADA PENIAGA DI TAPAK PENJAJA JALAN SENA, TAMAN RINTING, MASAI

Satu kejadian ribut telah berlaku di kawasan Tapak Penjaja Jalan Sena, Taman Rinting, Masai pada 24 Jun 2021 yang telah mengakibatkan kerosakan besar dan kerugian kepada semua penjaja yang berniaga di kawasan tersebut. Peralatan dan bahan makanan peniaga turut rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Mengambil tindakan pantas atas bencana yang telah berlaku, Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar Pasir Gudang telah menyampaikan bantuan kepada 34 peniaga yang terkesan akibat bencana tersebut.

Melalui Pakej Ransangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 2.0, penjaja yang berlesen layak menerima bantuan RM500.00 setiap seorang. Bagi mempercepatkan proses pemulihan, MBPG telah mengambil insiatif dengan mendahulukan bantuan kewangan tersebut kepada para peniaga yang terjejas. Turut memberi sumbangan ialah Encik Mohamad Farid bin Abdul Razak, Ahli Majlis Zon Rinting 1 berupa barangan keperluan asas. Pihak Maxis juga turut memberikan sumbangan sebuah khemah kepada setiap penjaja yang dilanda bencana ribut bagi menggantikan khemah mereka yang rosak dan sumbangan telah disempurnakan oleh Encik Mazlan Mokhtar, Ketua Bahagian Selatan Maxis Berhad.

Semoga dengan bantuan yang disampaikan serba sedikit dapat meringankan beban para peniaga di Tapak Penjaja Jalan Sena, Taman Rinting, Masai yang terkesan akibat bencana yang telah menimpa mereka.





### TINJAUAN KE TAPAK TANAH RUNTUH DI KAMPUNG CAHAYA BARU

Pada 20 Jun 2021, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang bersama-sama pegawai Jabatan Kejuruteraan dan Landskap telah melakukan tinjauan ke Sungai Serai dan sistem perparitan sediada di Kampung Cahaya Baru dimana telah dilaporkan punca berlakunya banjir dikawasan kampung tersebut. Turut hadir sama Ahli Majlis Zon Cahaya Baru/Tanjung Langsat, Pegawai Penyelaras Parlimen Tebrau dan Ketua Kampung Cahaya Baru.

Pihak pemaju projek pembangunan di kawasan berhampiran turut hadir bagi meninjau dan bertanggungjawab dalam menyelesaikan bersama permasalahan yang dihadapi oleh penduduk setempat.




## JULAI

### PROGRAM PENDAFTARAN VAKSINASI KOMUNITI PASIR GUDANG ANJURAN SOUTHERN VOLUNTEER

Southern Volunteer telah digerakkan bagi membantu Bangsa Johor membuat pendaftaran vaksinasi COVID-19 yang turut melibatkan seluruh kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Menjunjung titah DYAM Tunku Mahkota Johor, Southern Volunteers digerakkan bagi mempercepatkan perlaksanaan program pendaftaran vaksinasi dan membantu bangsa Johor mendaftar vaksin. Tujuan vaksinasi untuk mewujudkan imuniti berkelompok yang telah mendapat liputan imunisasi yang tinggi dan seterusnya melindungi diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada pasukan Southern Volunteers Pasir Gudang kerana telah berjasa membantu Bangsa Johor khususnya komuniti di kawasan Pasir Gudang.





### PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DI DEWAN SERBAGUNA TAMAN MAWAR, PASIR GUDANG

MBPG mengambil tanggungjawab bersama dalam menangani penularan pandemik COVID-19 dengan turut menyedia dan mempersiapkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang terletak di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang.

PPV ini beroperasi bagi tujuan memberi vaksin kepada penduduk di daerah Johor Bahru dengan kapasiti seramai 1,700 hingga 2,200 orang penerima vaksin sehari. Terima kasih diucapkan kepada semua para petugas yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran proses vaksinasi di daerah Johor Bahru khususnya penduduk Pasir Gudang. Semoga dengan usaha dan inisiatif yang dilakukan sedikit sebanyak dapat meningkatkan lagi tahap capaian Program Imunisasi Covid-19 kepada kumpulan sasar sekaligus imuniti kelompok dapat dibentuk dengan segera.





## BANTUAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI TG. SEDILI, KOTA TINGGI AKIBAT RIBUT DAN ANGIN YANG KUAT

Penduduk menyifatkan ribut yang melanda Tanjung Sedili pada tanggal 24 Julai 2021 seperti 'tsunami kecil' dan yang terburuk pernah berlaku dalam tempoh 30 tahun. Hujan lebat lebih dua jam bermula kira-kira 3 petang, disusuli ribut dan angin kencang, menyebabkan 291 rumah dan beberapa bangunan kerajaan mengalami kerosakan dan lebih 20 pokok tumbang.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) melalui Pasukan Tindakan Khas, Bahagian Kebersihan, Jabatan Kesihatan Awam dan Persekitaran tidak ketinggalan telah pergi  ke Tg. Sedili Kota Tinggi, bagi menghulurkan bantuan melaksanakan kerja-kerja pembersihan akibat bencana yang melanda di kawasan tersebut.

Misi bantuan ini telah disertai oleh seramai 16 anggota, 3 kenderaan dan keperluan peralatan bagi membantu membersihkan pokok-pokok yang tumbang dan rumah yang terkesan. Semoga dengan bantuan yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban kepada penduduk setempat dalam menghadapi ujian ini. Semoga segala urusan mangsa bencana ribut dipermudahkan dan bersama kita mendoakan jua agar wabak Covid-19 ini berjaya diatasi secepat mungkin.







## OGOS

### PERTANDINGAN MURAL ATAS TALIAN (ONLINE)

MBPG melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Pertandingan Mural Atas Talian *(Online)* bersempena Sambutan Hari Kebangsaan 2021 peringkat Pasir Gudang yang telah berlangsung pada 16 Ogos hingga 14 September 2021. Sebanyak 13 penyertaan telah didaftarkan melalui dua (2) Kategori iaitu Kategori Terbuka (13 Tahun dan ke atas) dan Kategori Amatur (7 - 12 Tahun). Pihak urusetia telah melantik panel juri yang terdiri daripada pihak Sekolah Seni Malaysia, Politeknik Ibrahim Sultan dan Jabatan Penerangan Negeri Johor.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada para peserta yang telah memenangi pertandingan. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia TuanHaji Mohd Yusof bin Abd Wahab selaku Timbalan Setiausaha MBPG pada 17 Oktober 2021 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang.

**TERBUKA (13 TAHUN DAN KE ATAS)**




Johan :
Muhamad Rashid Bin Abdul Rahman Tan




Naib Johan :
Izzatie Nur Elina Binti Ibrahim




Ketiga : Zahirah Afrina Binti Zainuddin




Ke-4 : Siti Suraya Binti Hussin




Ke-5 :
Muhammad Iman Hakimi Bin Ibrahim

## KATEGORI AMATUR (7 - 12 TAHUN)




Johan : Muhamad Rafiulhadi Bin Muhamad Rashid



Naib Johan : Maisarrah Umairah Binti Mahizan




Ketiga : Hadif Zafran Bin Nuradzlan Shah




Ke-4 : Muhamad Rafiulsyafiy Bin Muhamad Rashid




Ke-5 : Nur Qisya Rania Binti Rahmad

## PERTANDINGAN TIRU GAYA TOKOH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KALI KE 64 PERINGKAT PASIR GUDANG 2021

Bagi menyemarakkan semangat patriotik di kalangan masyarakat Pasir Gudang serta mengukuhkan semangat perpaduan, melalui aktiviti dan pertandingan secara berkumpulan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengambil inisiatif menganjurkan Pertandingan Tiru Gaya Tokoh Sempena Hari Kemerdekaan Kali ke 64 Peringkat Pasir Gudang 2021 pada 16 Ogos 2021 - 14 September 2021 bertempat di kediaman para peserta.

Sebanyak 18 penyertaan yang telah berdaftar untuk bertanding dalam pertandingan ini. Terdapat 3 kategori umur yang dipertandingkan iaitu kategori 10-12 tahun, kategori 7-9 tahun dan kategori 4-6 tahun. Pertandingan telah diadili oleh juri jemputan yang dilantik daripada Jabatan Penerangan Negeri Johor, Sekolah Seni Malaysia dan Politeknik Ibrahim Sultan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab selaku Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 17 September 2021 bertempat di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

### KATEGORI 10-12 TAHUN



Johan : Wan Fatnin Arissa Binti Wan Azrol
(Tokoh : Dato Seri Siti Nurhaliza Binti Taruddin)




Naib Johan : Nurasyiqin Afiqah Binti Ridzwan
(Tokoh : Dato Seri Siti Nurhaliza Binti Taruddin



Ketiga : Nur Syaira Insyira Binti Mohd Saufi
(Tokoh : KDYMM Raja Permaisuri Agong Tunku Hajaj Azizah Aminah Maimunah Iskandariah)



Saguhati : Amirul Hakim Bin Mohd Rahizan
(Tokoh : Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj)



Kategori 10-12 tahun
Saguhati : Muhammad Danish Amsyar Nuradin
(Tokoh : Tan Sri Muhyiddin Yassin)




Saguhati : Amirul Hakim Bin Mohd Rahizan
(Tokoh : Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj)



Saguhati : Amirul Hakim Bin Mohd Rahizan
(Tokoh : Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj)

**KATEGORI 4-6 TAHUN**



Kategori 4-6 Tahun
Johan :Muhammad Muaz Wazif Bin Kamalruzamanoh
(Tokoh : Tan Sri Muhyiddin Yassin)



Kategori 4-6 Tahun
Naib Johan : Irdina Sakinah Bte Mohamad Shafie
(Tokoh : Dato Seri Siti Nurhaliza Binti Taruddin)



Kategori 4-6 Tahun
Ketiga : Nuryn Nuha Afrina Binti Mohd Rahizan
(Tokoh :YDPA Tunku Azizah)



Kategori 4-6 Tahun
Saguhati : Muham mad Fakhri Bin Mohd Azwan
(Tokoh : Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj)



Kategori 4-6 Tahun
Saguhati : Muhammad Adam Wafiq
(Tokoh : Tunku Abd Rahman Putra Al-Haj)

## SEPTEMBER

### PROGRAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BILIK DARJAH

Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang dan Sekolah Kebangsaan Taman Cendana telah menganjurkan program Pelaksanaan Pembelajaran Bilik Darjah pada 5 September 2021 (Ahad) bermula waktunya pada jam 10.00 pagi secara maya melalui platform *Google Meet*.

Program telah dimulakan dengan bacaan doa pimpinan Ustaz Mohd Amir bin Mohd Zaki. Pembentang program ini ialah guru dari SK Taman Cendana iaitu Pn. Fafhilah binti Main. Peserta program terdiri dari ibu bapa dan pelajar-pelajar SK Taman Cendana.

Program yang dianjurkan telah dapat mewujudkan kemahiran, kefahaman dan pengetahuan ibu bapa melalui kaedah pendidikan anak-anak berdasarkan pembelajaran dalam bilik darjah. Seterusnya ianya juga turut dapat membentuk pemikiran positif kepada ibu bapa bagi mempengaruhi sikap dan nilai positif dalam diri pelajar.






### PERASMIAN MURAL HARI MERDEKA DI ZON SCIENTEX, TAMAN SCIENTEX, PASIR GUDANG

Bersempena Sambutan Hari Malaysia pada 16 september, Zon Scientex 1, Taman Scientex telah menganjurkan program Semarak Semangat Hari Malaysia. Program dimulakan dengan pelepasan peserta berbasikal Hari Malaysia oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang.

Datuk Bandar Pasir Gudang juga telah sudi menandatangani Plak Perasmian Mural Hari Merdeka ke-64 yang telah disiapkan pada tembok Jalan Nuri Utama. Turut hadir menjayakan program ialah Puan Hajah Haryati binti Ismail selaku Pengerusi zon Scientex 1. Antara aktiviti lain yang turut dijalankan adalah aktiviti *plogging* di sepanjang Jalan Belatuk, Jalan Tempua dan Jalan Bayan. Program berakhir dengan majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan-pertandingan yang telah dianjurkan. Di sebelah malamnya pula telah dianjurkan Program Bacaan Yassin, Tahlil dan Doa Selamat Sempena Hari Malaysia yang disambut.






## OKTOBER

### PROGRAM VIRTUAL RUN BERSAMA SOUTHERN VOLUNTEER PASIR GUDANG

Sempena bulan Sukan Negara yang diadakan sepanjang bulan Oktober setiap tahun, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dengan kerjasama Southern Volunteer Pasir Gudang telah mengambil inisiatif dengan menganjurkan program larian secara virtual untuk para peserta yang menyertai dengan syarat masih mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Penyertaan terbuka kepada 1000 orang peserta dan program larian adalah sejauh 5km dengan lokasi dimana sahaja yang dipilih samada secara *indoor* atau *outdoor*. Selain itu pihak urusetia juga turut menyediakan 20 hadiah cabutan bertuah bagi menarik minat penyertaan.

Program yang dianjurkan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran menggalakkan masyarakat melakukan aktiviti sihat dan bermanfaat bagi menjaga kesihatan diri. Situasi pandemik bukanlah sebagai penghalang yang boleh dijadikan alasan untuk kita terus kekal cergas serta mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Sektor Sukan Dan Rekreasi.




### AKTIVITI PROGRAM BERSAMA KOLEJ PENGAJIAN TINGGI PROFESIONAL MARA

Pasir Gudang Kraf telah menerima jemputan khas bagi berkongsi penerangan secara *live online* bersama Kolej Kemahiran Tinggi Mara Masjid Tanah, Melaka pada 28 Oktober 202. Program merupakan anjuran Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pemprosesan Seramik dengan tajuk yang telah ditetapkan oleh pihak kolej iaitu 'Seni Khat Seramik Dan *Surface Décor*'. Penerangan diperingkat MBPG telah disampaikan oleh Encik Mohd Junaidi bin Sahlan selaku penceramah jemputan. Lokasi live bersiaran dari ruang kerja di galeri jualan seramik Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari.



## NOVEMBER

### PERTANDINGAN ARCA KREATIF 2021

Pertandingan Arca Kreatif 2021 diwujudkan seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi Negara Taman Terindah 2025. Bagi menzahirkan komitmen terhadap hasrat tersebut MBPG sebagai sebuah bandar pelabuhan dan industri yang tersohor di selatan tanah air telah mengambil inisiatif untuk membuka peluang kepada semua lapisan masyarakat melibatkan diri secara langsung di dalam pengindahan alam sekitar di kawasan Pasir Gudang. Penghasilan landskap yang cantik serta praktikal di dalam kawasan kejiranan menghidupkan aura persekitaran yang positif, menarik komuniti untuk menghargai ruang yang disediakan untuk kelestarian kehidupan.

Bahagian Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Landskap telah berjaya menganjurkan pertandingan Arca Kreatif 2021 pada bulan September hingga Oktober 2021. Ia melibatkan kesemua 24 zon Ahli Majlis, MBPG dengan mencetuskan idea mereka cipta dan membina arca di rezab kawasan lapang atau taman-taman komuniti bagi zon yang mempunyai taman komuniti.

Pertandingan ini diwujudkan bagi memberi peluang kepada komuniti dalam melakukan pengindahan kawasan kediaman melalui kreativiti dan mengimarahkan kawasan hijau yang ada. Seterusnya mendokong hasrat komuniti lestari di bawah program Local Agenda 21 dalam membentuk identiti Pasir Gudang sebagai bandar raya pelabuhan dan industri yang lestari.

Hadiah yang ditawarkan adalah berupa wang tunai bernilai RM5,000.00 (Johan), RM3,000.00 (Naib Johan) dan RM2,000.00 (Ketiga). Selain itu, pihak penganjur turut menganjurkan beberapa anugerah bagi pertandingan tersebut dengan hadiah yang ditawarkan juga berupa wang tunai bernilai RM1,500.00 setiap satu iaitu Anugerah Pencahayaan, Anugerah Inovasi, Anugerah Komitmen, Anugerah Kreativiti, Anugerah Juri, dan Hadiah Saguhati bernilai RM1,000.00 kepada semua penyertaan yang telah menyiapkan arca pada masa yang telah ditetapkan. Berikut adalah senarai pemenang Pertandingan Arca Kreatif 2021 di kawasan Pasir Gudang dan senarai pemenang telah diumumkan pada bulan November 2021 yang lalu.

01







Johan dimenangi oleh Zon Pasir Putih, Taman Pasir Putih

02





Naib Johan dimenangi oleh Zon Kota Masai 3, Taman Kota Masai




Bagi tempat ketiga dimenangi oleh Zon Kota Masai 3, Taman Kota Masai



Anugerah pencahayaan telah dimenangi oleh zon seri alam 1, bandar seri alam, masai.



Anugerah inovasi telah dimenangi oleh Zon Rinting 2, Taman Rinting, Masai.



Anugerah komitmen dimenangi oleh Zon Nusa Damai, Taman Nusa Damai, Pasir Gudang.



Anugerah kreativiti dimenangi oleh kong kong/ Tanjung Langsat, Pasir Gudang




Anugerah juri dimenangi oleh Zon Kota Masai 2, Taman Kota Masai, Pasir Gudang.

## LAWATAN SAMBIL BELAJAR PEKERJA NURSERI DAN PEMENANG KEBUN KOMUNITI ANUGERAH HARI KEBANGSAAN ANJURAN MBPG DAN KEBUN KOMUNITI KE DBKL BAGI PROGRAM PELAKSANAAN PUSAT NURSERI DAN KEBUN KOMUNITI SELIAAN DBKL

Program Laman Hijau Kebun Kejiranan merupakan salah satu daripada kejayaan MBPG di dalam membentuk warga kerja untuk memupuk keseronokan bekerja dan penerapan nilai etika dan budaya kerja yang sihat. Setiap anggota pekerja diberi peluang menuntut ilmu serta membuka minda untuk diberi pendedahan dalam menghadapi cabaran di peringkat tugas dan tanggungjawab mereka.

Lawatan sambil belajar telah dibuat pada 1 hingga 3 November 2021 yang melibatkan 25 orang peserta yang diketuai oleh LAr. Zanariah binti Kadir, Arkitek Landskap, Jabatan Kejuruteraan dan Landskap. Antara lokasi yang dilawati antaranya adalah tapak semaian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kebun-kebun komuniti yang berada di bawah seliaan DBKL.


Peserta lawatan dibawa ke kebun komuniti Sungai Bunos, Kuala Lumpur.


Peserta lawatan dibawa ke kebun komuniti *tree society*, Kuala Lumpur.


Peserta lawatan dibawa ke kebun komuniti Intan Baiduri, Kuala Lumpur.

## FESTIVAL ORANG MUDA JOHOR (OMJ) 2021 PERINGKAT MBPG

Kerajaan negeri menyuntik pelbagai inisiatif untuk memperkasa pembangunan orang muda di negeri ini, menerusi Belanjawan Johor 2022 yang merangkumi aspek sukan, kecergasan, sosial, kesenian, kepemimpinan dan kemasyarakatan. Perasmian Festival Orang Muda Johor (OMJ) 2021 peringkat negeri telah dianjurkansecara serentak pada 20 November 2021 di 16 pihak berkuasa tempatan (PBT) di 10 daerah, dengan lebih 80 program bermanfaat untuk belia.

Festival telah berlangsung sehingga penghujung Disember dan mensasarkan penyertaan 50,000 hingga 100,000 di seluruh negeri dengan kerjasama penuh oleh Majlis Belia Daerah Johor Bahru dan Southern Volunteers.

Majlis perasmiannya telah di sempurnakan oleh DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, bertempat di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru.

Turut diadakan secara maya adalah di peringkat Pasir Gudang bertempat di perkarangan parkir Stadium Bandaraya Pasir Gudang yang dihadiri oleh Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG selaku wakil rasmi Datuk Bandar MBPG, Pengerusi Majlis Belia Johor Bahru, Penyelaras Southern Volunteer (SV) Pasir Gudang, Ahli-ahli majlis dan Ketua-ketua jabatan MBPG.





## DISEMBER

### KONVOI SATU HATI SEMPENA HARI PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Satu program Konvoi Satu Hati telah dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 2 hingga 4 Disember 2021 bersempena dengan program Hari Pengisytiharan yang akan berlangsung 9 Disember 2021.

Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd. Rahman selaku Datuk Bandar Pasir Gudang telah berkesempatan untuk menyempurnakan majlis pelepasan peserta Konvoi Satu Hati yang terdiri dari pegawai dan warga kerja MBPG pada 2 Disember 2021, jam 9.00 pagi bertempat di depan perkarangan pejabat MBPG. Selain itu, majlis turut dihadiri oleh Tuan Timbalan Setiausaha MBPG, Tuan Haji Mohd Yusof Bin Abd Wahab serta Encik Abd Malek Bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan dan Puan Hajah Norizan Binti Mohamad Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat.

Diantara pengisian program adalah sebagai medium promosi kepada masyarakat Pasir Gudang dan menyantuni adat menghulurkan surat jemputan kepada setiap 24 zon Ahli Majlis. Manakala di setiap lokasi persinggahan pula, para peserta telah dirai melalui majlis ramah mesra bersama komuniti disamping menjadi platform memperkenalkan produk IKS setempat, tempat daya tarikan pengunjung, aktiviti sukan mini, persembahan kebudayaan dan lain-lain aktiviti yang disediakan selain acara jamuan. Dipenghujung majlis, Ketua konvoi atau wakil akan menyerahkan surat jemputan Hari Pengisytiharan kepada Ahli Majlis serta memento Hari Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Untuk melancarkan perjalanan mengikut jadual sebanyak 8 buah zon yang telah disusun dapat dikunjungi dalam masa sehari..

Di hari terakhir sebaik tiba di Menara Aqabah MBPG pada 8 Disember 2021, jam 2.00 petang, para peserta konvoi telah melakukan simbolik penyerahan memento zon kepada Yang Berhormat Datuk Bandar sebagai tanda misi telah disempurnakan,.










## MAJLIS PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

22 November 2020 menjadi tarikh keramat kepada Pasir Gudang apabila Duli Yang Maha Mulia, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim berkenan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dinaik taraf dan diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).



Majlis Pengisytiharannya telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Johor pada 9 Disember 2021 bersamaan 4 Jamadilawal 1443H bertempat di Ballroom Cempaka Jingga, Menara Aqabah, MBPG . Berangkat sama DYAM Mejar Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. Baginda turut berkenan menyaksikan penyerahan surat cara pengisytiharan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican kepada Menteri Besar Johor, Dato' Hasni Mohammad sebelum DYMM Sultan Johor membacakan titah pengisytiharan. Terdahulu, DYMM Sultan Ibrahim turut berkenan merasmikan dan melawat Galeri Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



Hadir sama, Dipertua Jumaah Majlis DiRaja Johor, Dato' Abdul Rahim Ramli, Dato' Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, dan Dato' Asman Shah Bin Abd. Rahman selaku Datuk Bandar pertama Majlis Bandaraya Pasir Gudang.



Tidak dinafikan bahawa kepesatan perindustrian dan pembangunan Pasir Gudang yang unik dengan kelebihan memiliki dua buah pelabuhan bertaraf antarabangsa disamping lengkap dengan kemudahan prasarana yang mengutamakan kesejahteraan rakyatnya adalah antara penyumbang memenuhi syarat keperluan sebagai bandar raya Industri dan Pelabuhan.








## MAJLIS DOA KESYUKURAN DAN TAHLIL BERSEMPENA MAJLIS PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG DAN HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR.

Sehari sebelum pengisytiharan pada 8 Disember 2021, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang bertempat di Masjid Jamek Pasir Gudang. Selain itu turut dianjurkan adalah Majlis Bacaan Tahlil memperingati kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Jalil Ibni Sultan Iskandar, Tunku Laksamana Johor.

Datuk Bandar MBPG dan Tuan Setiausaha serta warga kerja MBPG tidak ketinggalan telah bersama-sama mengimarahkan majlis tersebut. Turut hadir menyantuni majlis adalah pihak pengurusan dan pegawai-pegawai jemputan dari Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Ahli-ahli Majlis MBPG, imam-imam masjid, Ketua-ketua Kampung serta wakil-wakil dari Jawatankuasa Penduduk Zon di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang.





## MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis pelantikan dan angkat sumpah Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Pasir Gudang iaitu Yang Berhormat, Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman telah disempurnakan secara penuh istiadat bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang pada 12 Disember 2021 bersamaan 7 Jamadilawal 1443H.



Turut hadir memasyhurkan pelantikan ialah YAB Dato' Hj Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor, YB Dato Hj. Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor dan YB Tuan Hj Ayub bin Jamil selaku, Pengerusi Jawatan Kuasa Perumahan, dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor

Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dinaik taraf sebagai bandar raya pada 22 november 2020 namun berikutan wabak pandemik Covid-19 yang melanda negara khususnya dan secara global amnya maka majlis pengisytiharan hanya dapat direalisasikan pada 9 Disember 2021.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat, Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman yang telah dilantik sebagai Datuk Bandar pertama di Majlis Bandaraya Pasir Gudang.





## PROGRAM KAYUHAN SATU HATI 24 ZON KOMUNITI PADA 11 DISEMBER 2021 BERTEMPAT DI BUKIT LAYANG-LAYANG,

Bahagian Pelancongan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang kali pertama telah berjaya menganjurkan Program Kayuhan Satu Hati 24 Zon Komuniti pada 11 Disember 2021 bertempat pelepasannya di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang. Seramai 5 orang peserta dari setiap 24 zon di kawasan pentadbiran Pasir Gudang telah dijemput bagi menyertai program ini.. Program ini merupakan kesinambungan daripada program MPPG Fun Ride 1.0 yang telah dianjurkan pada tahun 2018, yang pada ketika itu juga bersempena dengan pengisytiharan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Aktiviti berbasikal telah menjadi trend pada masa kini yang mampu melibatkan masyarakat pelbagai peringkat umur. Program yang berkonsepkan sukan dan riadah ini dianjurkan bagi mengukuhkan hubungan komuniti berbasikal dengan masyarakat setempat di Pasir Gudang selain ianya merupakan aktiviti amalan gaya hidup sihat. Pada masa yang sama program ini juga adalah bagi memperkenal dan mempromosikan destinasi pelancongan sedia ada di Pasir Gudang.

Antara zon-zon yang telah menghantar peserta ialah Zon Nusa Damai, Zon Scientex dan Scientex 2, Zon Desa Rakyat Perdana, Zon Cendana, Zon Mawar, Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat, Zon Cahaya Masai, Zon Kota Masai 1,2 dan 3, Zon Pasir Putih, Zon Tanjung Puteri Resort, Zon Sierra Perdana, Zon Seri Alam 2, Zon Taman Bukit Dahlia, Zon Rinting 1 dan 2 dan Zon Air Biru.





Acara Perasmian Program Berbasikal 24 Zon MBPG

Pelepasan telah disempurnakan oleh YB Dato' Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar MBPG dengan turut dimeriahkan lagi melalui kehadiran Ahli-Ahli Majlis MBPG. Datuk Bandar beserta ahli-ahli majlis kemudiannya turut bersama-sama berbasikal dengan para peserta sambil dibantu oleh Marshall sepanjang kayuhan oleh kumpulan berbasikal Taman Mawar Fasa 5 (TMF5) dari lokasi permulaaan di Bukit Layang-Layang sehingga ke checkpoint pertama iaitu di perkarangan kawasan aktiviti memanah Taman Scientex. Datuk Bandar dan beberapa peserta turut berkesempatan melakukan aktiviti memanah yang dikendalikan oleh Kelab Memanah Pasir Gudang (KMPG).







Checkpoint 1: Acara memanah di Taman Scientex

Program berbasikal ini berjalan seperti yang dirancang. Para peserta telah singgah di beberapa *checkpoint* yang ditetapkan seperti Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), EcoWorld Sales Gallery, Kampung Perigi Acheh dan yang terakhir di Sarang Buaya Tembaga yang terletak di Tg Langsat, Pasir Gudang.





Peserta berbasikal sedang melakukan aktiviti di PIS



Checkpoint 2: Peserta bergambar di PIS

Sebaik tiba di Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), para peserta telah dilibatkan dengan beberapa aktiviti yang disediakan oleh pihak pengurusan politeknik bersama-sama dengan para pelajar di situ. Aktiviti yang dianjurkan berunsurkan seni kreatif seperti menampal dan cap jari bagi dijadikan sebuah karya kenang-kenangan sempena program ini. Setelah selesai aktiviti di PIS, para peserta kembali menyambung berbasikal bergerak ke EcoWorld Gallery sejauh 3km untuk berehat seketika disamping melihat pameran yang disediakan pihak EcoWorld.

Selepas selesai dari aktiviti di EcoWorld Gallery para peserta kembali berbasikal sejauh 7km untuk menuju pula ke Kampung Perigi Acheh bagi menikmati jamuan makan tengahari yang disediakan oleh penduduk kampung. Bagi sesetengah peserta yang kali pertama memasuki kawasan perkampungan nelayan tersebut menyatakan bahawa ianya merupakan satu pengalaman baru yang menarik. Malah tidak menafikan ianya boleh dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan tempatan yang dapat menarik pengunjung datang ke Pasir Gudang.



Checkpoint 3: Peserta bergambar di EcoWorld Gallery, Kota Masai


Checkpoint 4: Peserta bergambar di Kampung Perigi Acheh

Setelah selesai menjamu selera, para peserta meneruskan kayuhan ke destinasi pelancongan tempatan seterusnya iaitu Sarang Buaya Pasir Gudang yang terletak di Tanjung Langsat dengan jarak sejauh 3km. Sebaik tiba dilokasi para peserta telah diberi penerangan ringkas oleh pegawai bertugas, Encik Dana Raj. Selain itu, mereka juga berpeluang menyaksikan demonstrasi memberi buaya makan dan merasai sendiri pengalaman memberi makan kepada buaya-buaya tersebut.



*Peserta melakukan aktiviti di Sarang Buaya Pasir Gudang*



Checkpoint 5: Peserta bergambar di Sarang Buaya Pasir Gudang

Program Kayuhan Satu Hati  24 Zon Komuniti yang bermula sejak jam 8.00 pagi ini telah berakhir sekitar jam 3.00 petang bertempat di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar. Majlis penutupan pula telah disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pelancongan, Tuan Haji Hamidon bin Abd Majid. Setiap peserta yang melakukan kayuhan penuh dengan jayanya telah menerima sijil penyertaan, medal dan t-shirt program berbasikal.





Acara penutup disempurnakan oleh Ketua Bahagian Pelancongan, Haji Hamidon Abd Majid



Checkpoint 6: Peserta bergambar di acara penutup dan di checkpoint terakhir.

## KARNIVAL PASIR GUDANG SEMPENA PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) telah menganjurkan Karnival Pasir Gudang Sempena Pengisytiharan, Majlis Bandaraya Pasir Gudang pada 10 hingga 11 Disember 2021. Penyertaan Karnival Pasir Gudang adalah terbuka kepada ahli-ahli komuniti 24 zon Ahli Majlis di bawah kawasan pentadbiran MBPG.

Antara aktiviti yang dijalankan pada 10 Disember 2021 ialah acara pertandingan Bowling bertempat di Dynamic Bowl, Kompleks Pusat Bandar manakala acara Karom dilaksanakan di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

Manakala pada 11 Disember 2021, pertandingan sukan yang berlangsung adalah sukan memanah yang dianjurkan di Lapang Sasar Memanah Pasir Gudang dan beberapa aktiviti sukan rakyat antaranya seperti Galah Panjang, Terompah Gergasi, Batu Seremban, Capteh dan Congkak Ahli Majlis.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah Bin Abd. Rahman, Datuk Bandar MBPG dengan diringi oleh Tuan Haji Mohd Yusof Bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG, En Abdul Malek Bin Mohamed, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG dan Puan. Hjh Norizan Binti Mohammad. selaku Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat.






**PEMENANG**

i. Boling Komuniti Zon Ahli Majlis

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Bukit Dahlia | RM600.00 |
| Naib Johan | Zon Mawar | RM300.00 |
| Ketiga | Zon Sierra Perdana | RM250.00 |
| Keempat | Zon Sg. Tiram | RM200.00 |
| Kelima | Zon Scientex 1 | RM150.00 |
| Keenam | Zon Nusa Damai | RM100.00 |
| Ketujuh | Zon Scientex 2 | RM100.00 |
| Kelapan | Zon Cahaya Masai | RM80.00 |
| Kesembilan | Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat | RM70.00 |
| Kesepuluh | Zon Cendana | RM60.00 |
| Hi-Score Lelaki | Mohammad Shafuan Bin Zahari | RM50.00 |
| Hi-Score Wanita | Wakil, Mohd Noor Abdul Samad | RM50.00 |

ii. Karom Komuniti Zon Ahli Majlis

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Mawar | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Nusa Damai | RM200.00 |
| Ketiga | Zon Scientex 1 | RM150.00 |
| Keempat | Zon Air Biru | RM100.00 |
| Kelima | Zon Tg.Puteri | RM75.00 |
| Keenam | Zon Kota Bistari | RM75.00 |
| Ketujuh | Zon Seri Alam 1 | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat | RM50.00 |

iii. Memanah Komuniti Zon Ahli Majlis

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Rinting 1 | RM250.00 |
| Naib Johan | Zon Seri Alam 1 | RM200.00 |
| Ketiga | Zon Tg.Puteri | RM150.00 |
| Keempat | Zon Mawar | RM100.00 |
| Kelima | Zon Cahaya Baru Tanjung Langsat | RM80.00 |
| Keenam | Zon Cahaya Masai | RM70.00 |
| Ketujuh | Zon Flora Height | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Kota Masai 2 | RM50.00 |
| Kesembilan | Zon Scientex 1 | RM50.00 |
| Kesepuluh | Zon Sierra Perdana | RM50.00 |

iv. Sukan Rakyat

- Galah Panjang Dewasa Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Seri Alam 1 | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Nusa Damai | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Air Biru | RM150.00 |
| Keempat | Zon Cendana | RM100.00 |
| Kelima | Zon Scientex 1 | RM50.00 |
| Keenam | Zon Mawar | RM50.00 |
| Ketujuh | Zon Cahaya Masai | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Kota Masai 3 | RM50.00 |

- Galah Panjang Dewasa Wanita

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Desa Rakyat | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Kota Masai 3 | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Cahaya Masai | RM150.00 |
| Keempat | Zon Nusa Damai | RM100.00 |
| Kelima | Zon Scientex 1 | RM50.00 |
| Keenam | Zon Cahaya Masai | RM50.00 |
| Ketujuh | Zon Cendana | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Mawar | RM50.00 |

- Galah Panjang Kanak-kanak Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Kota Bistari | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Scientex 1(B) | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Nusa Damai | RM70.00 |
| Keempat | Zon Rinting 2 | RM50.00 |
| Kelima | Zon Air Biru | RM30.00 |
| Keenam | Zon Seri Alam 1 | RM30.00 |
| Ketujuh | Zon Cahaya Masai | RM30.00 |
| Kelapan | Zon Cendana | RM30.00 |

- Galah Panjang Kanak-kanak Perempuan

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Nusa Damai | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Seri Alam 1 | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Cendana | RM70.00 |
| Keempat | Zon Kota Bistari | RM50.00 |
| Kelima | Zon Scientex 1 | RM30.00 |
| Keenam | Zon Kota Masai 3 | RM30.00 |
| Ketujuh | Zon Mawar | RM30.00 |
| Kelapan | Zon Cahaya Masai | RM30.00 |

- Terompah Gergasi Dewasa Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Kota Masai 3 | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Cahaya Masai | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Cendana | RM200.00 |
| Keempat | Zon Scientex 1(B) | RM150.00 |

- Terompah Gergasi Dewasa Wanita

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Kota Masai 3 | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Mawar | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Air Biru | RM200.00 |
| Keempat | Zon Scientex 1 | RM150.00 |

- Terompah Gergasi Kanak- Kanak Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Rinting 2 | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Seri Alam | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Cendana | RM70.00 |
| Keempat | Zon Mawar | RM50.00 |

- Terompah Gergasi Kanak- Kanak Perempuan

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Desa Rakyat | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Kota Masai 3 | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Cendana | RM70.00 |
| Keempat | Zon Seri Alam 1 | RM50.00 |

- Batu Seremban Dewasa Wanita

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Desa Rakyat | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Scientex 1 | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Nusa Damai | RM150.00 |
| Keempat | Zon Seri Alam 1 | RM100.00 |
| Kelima | Zon Seri Alam 2 | RM50.00 |
| Keenam | Zon Cendana | RM50.00 |
| Ketujuh | Zon Mawar | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Cahaya Masai | RM50.00 |

- Batu Seremban Kanak-Kanak Perempuan

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Kota Masai 3 | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Seri Alam 2 | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Nusa Damai | RM70.00 |
| Keempat | Zon Seri Alam 1 | RM50.00 |
| Kelima | Zon Desa Rakyat | RM30.00 |
| Keenam | Zon Cendana | RM30.00 |
| Ketujuh | Zon Air Biru | RM30.00 |
| Kelapan | Zon Tg Puteri | RM30.00 |

- Capteh Dewasa Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Scientex 1(B) | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Mawar | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Air Biru | RM200.00 |
| Keempat | Zon Cendana | RM150.00 |
| Kelima | Zon Tg Puteri | RM50.00 |
| Keenam | Zon Scientex 1 (A) | RM40.00 |

- Capteh Kanak-Kanak Lelaki

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Seri Alam 1 | RM150.00 |
| Naib Johan | Zon Mawar | RM100.00 |
| Ketiga | Zon Tg Puteri | RM70.00 |
| Keempat | Zon Nusa Damai | RM50.00 |
| Kelima | Zon Rinting 2 | RM30.00 |
| Keenam | Zon Kota Bistari | RM20.00 |

- Congkak Ahli Majlis

| KEDUDUKAN | NAMA PEMENANG/ NAMA ZON | NILAI HADIAH *(Voucher Aeon)* |
|---|---|---|
| Johan | Zon Rinting 1 | RM300.00 |
| Naib Johan | Zon Rinting 2 | RM250.00 |
| Ketiga | Zon Kota Masai 3 | RM150.00 |
| Keempat | Zon Kota Masai 1 | RM100.00 |
| Kelima | Zon Scientex 1 | RM50.00 |
| Keenam | Zon Cendana | RM50.00 |
| Ketujuh | Zon Kota Masai 2 | RM50.00 |
| Kelapan | Zon Cahaya Masai | RM50.00 |









## PROGRAM SESI TOWN HALL DATUK BANDAR MENYANTUNI KOMUNITI KALI KE 2/2021

Program Sesi Town Hall Datuk Bandar Menyantuni Komuniti Kali Ke 2/2021 telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Masyarakat, Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPG pada 18 Disember 2021 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang.

Dalam sesi townhall kali ini, YB Dato' Asman Shah Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang telah membuat taklimat berkaitan hala tuju Pasir Gudang bagi tahun 2022. Selain itu, beliau turut memaklumkan status projek-projek yang telah siap dan yang sedang dijalankan di semua zon dalam pentadbiran MBPG. Selain itu, Ketua jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan MBPG, Encik Nurazam Bin Razali dan Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Johor turut memberikan taklimat berkaitan Kesedaran Undang-Undang Tempatan serta Johor Bahru Sifar Jangkitan HIV Menjelang Tahun 2030.

Sesi townhall ini menjadi medium interaksi dua hala secara terus di antara penduduk dan Datuk Bandar Pasir Gudang bagi membincangkan isu-isu yang diutarakan oleh penduduk setiap zon. Pelbagai permasalahan yang dibangkitkan oleh penduduk seperti masalah jalan raya, pencahayaan lampu jalan, pencemaran sungai dan lain-lain yang berkaitan akan diperinci dan diperhalusi serta akan diselesaikan mengikut keutamaan dan tahap keperluan.

Beberapa agensi kerajaan berkaitan turut hadir seperti Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, IPD Seri Alam, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor, Indah Water Konsortium Sdn Bhd dan pihak SWCorp Negeri Johor bagi turut menjawab dan menjelaskan isu-isu perkhidmatan semasa yang dibangkitkan.

Semoga dengan penganjuran program ini akan terus menjadi platform bagi memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan antara MBPG, komuniti, jabatan kerajaan dan badan berkanun yang terlibat.





## SEMINAR ETIKA DAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN

Menurut pekeliling perkhidmatan bilangan 6 tahun 2013, penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam, kerajaan hendaklah ditubuhkan sebagai focal point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Justeru Unit integriti MBPG yang ditubuhkan akan berperanan memastikan seluruh warga kerja MBPG sentiasa mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri modal dan etika yang kukuh. Pelbagai inisiatif telah dirangka bagi membendung salah laku jenayah serta pelanggaran etika organisasi dalam kalangan warga kerja MBPG melalui penganjuran dan pelaksanaan seminar-seminar integriti.

Contohnya satu Seminar Etika Integriti Dalam Perkhidmatan telah diadakan pada 23 hingga 24 November 2021 bertempat di The Westin Desaru Coast Resort. Seminar telah disertai oleh semua pegawai MBPG gred 41 ke atas yang merupakan tunjang utama dalam menentukan hala tuju pentadbiran MBPG. Penetapan 3 segmen telah ditetapkan melalui pegawai integriti, organisasi berkualiti dan ceramah pengukuhan integriti serta sesi dialog isu-isu rasuah di Pihak Berkuasa Tempatan.

# CATATAN

# CATATAN

IMBAS SAYA

E- LAPORAN TAHUNAN 2021


MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

مجليس بندارايا ڤاسير ݢودڠ

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang
Johor Darul Ta'zim, Malaysia

NO. Tel : 07254 7777, 07-251 3720/21/22,07-251 4021 NO. FAKS : 07-251 5260